

**Agong, Permaisuri zahir ucapan tahniah Guru Berdedikasi Cambridge 2022**

Mei 27, 2022 @ 11:52am



Khalifa dinobatkan sebagai pemenang global Anugerah Guru Berdedikasi Cambridge 2022. - Foto Facebook Istana Negara

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan ucapan tahniah kepada guru Kolej Vokasional Keningau Sabah, Khalifa Affnan yang dinobatkan sebagai pemenang global Anugerah Guru Berdedikasi Cambridge 2022.

Turut menzahirkan ucapan tahniah, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Menerusi hantaran di Facebook Istana Negara, Seri Paduka berdua menzahirkan rasa sukacita dan bangga atas kejayaan Khalifa yang sekali gus mengharumkan nama Malaysia di persada dunia.

"Seri Paduka berdua menzahirkan harapan pencapaian cemerlang ini menjadi suntikan semangat kepada beliau dan juga rakyat untuk terus bekerja keras dan mencapai kejayaan pada masa hadapan di bidang masing-masing.

"Seri Paduka berdua menzahirkan ucapan selamat maju jaya kepada Khalifa Affnan dan mendoakan semoga beliau dilimpahi kejayaan cemerlang berterusan. Syabas dan tahniah," menurut hantaran itu.

Khalifa melakar sejarah negara selepas muncul guru Malaysia pertama terpilih merangkul anugerah berkenaan dan juga terdahulu di peringkat serantau, atas pencapaianya dalam mencetuskan satu projek sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Beliau dinobatkan sebagai pemenang selepas menewaskan 7,000 peserta lain dari 113 negara. - BERNAMA